

EUFEMISME DALAM KERANGKA LINGUISTIK: SATU TINJAUAN AWAL

EUPHEMISM IN LINGUISTIC FRAMEWORK: A PRELIMINARY SURVEY

A.Balakrishnan¹
Mashetoh Abd Mutalib²
Melor Fauzita Md. Yusoff³

^{1,2,3}Universiti Utara Malaysia

Accepted date: 31 October 2017

Published date: 13 September 2018

To cite this document: A.Balakrishnan, Abd Mutalib, M., & Yusoff, M. F. M. (2018). Eufemisme Dalam Kerangka Linguistik: Satu Tinjauan Awal. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(16), 50-58.

Abstrak: Eufemisme berfungsi sebagai penebat komunikasi yang menjaga keharmonian dalam melangsungkan suatu perbincangan. Penggunaan eufemisme sangat maslahat dalam menjaga air muka, tidak menyinggung perasaan dan juga kecekapan berbahasa. Berdasarkan sorotan karya, ke banyakkian kajian eufemisme tertumpu kepada penggunaan bahasa dalam terjemahan, psikologi, pragmatik dan kerangka linguistik. Walau bagaimanapun, kajian eufemisme menunjukkan ketidakseimbangan dari segi penggunaan bahasa kerangka linguistik. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk menyelidik penggunaan bahasa eufemisme dalam kerangka linguistik. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan kajian hanya memberi penumpuan kepada eufemisme dalam penggunaan bahasa kerangka linguistik aspek morfologi, sintaksis seperti kata, frasa dan ayat berbanding aspek semantik yang merangkumi unsur eufemisme dengan lebih terperinci seperti sinonim, metafora, polisemi konotasi, dan juga makna. Malahan, kurang kajian lepas yang menggabungkan eufemisme dari aspek morfologi, sintaksis dan juga semantik.

Kata Kunci: : Eufemisme, Kerangka Linguistik, Penggunaan Bahasa, Kecekapan Berbahasa

Abstract: Euphemism functions as communication insulator that ensures harmony in most of the conversations. Euphemism usage is considered crucial in protecting one's dignity, unoffending and also verbal efficiency. Based on the literature review been done, a great number of the study of euphemism focused on language usage in translation, psychology, pragmatics and linguistic framework. However, the study of euphemism shows imbalance in terms of language usage linguistic framework. Therefore, this article aims to study the usage of euphemism language in the linguistic framework. The results obtained show that most studies only give attention to euphemism language in the linguistic framework in morphological aspect, syntax like words,

phrase and sentence compared to semantics. Which encompasses detailed the element of euphemism such as synonym, metaphor, connotation polysemy, and meaning. In fact, only a few past researches which combines euphemism from the aspect of morphology, syntax, and semantics.

Key Words: : *Euphemism, Linguistic Framework, Language Usage, Verbal Efficiency*

Pengenalan

Eufemisme berasal daripada perkataan Greek iaitu “eufe” bermaksud baik, dan “misme” yang boleh ditakrifkan sebagai percakapan yang baik (Meihua 2013; Adil Malik Khanfar, 2012). Hamidah, Imran, Azlan dan Khazriyati Salehuddin (2016) menjelaskan bahawa topik eufemisme lazimnya berkait rapat dengan elemen tabu, atau sesuatu perkara seperti hal yang dilarang atau ditegah daripada disebut secara terang-terangan.

Eufemisme dapat ditafsirkan sebagai kod bahasa yang dianggap lebih baik lembut, sederhana, sopan tertib dan menyenangkan bagi memperkatakan perkara yang dianggap tabu (Noriah dan Jamilah, 2016; Dangli 2014). Pengkaji seperti Almuqontirin (2013) menyatakan bahawa usaha menghaluskan makna dikenali sebagai eufemia atau eufemisme manakala makna kasar dikenali sebagai disfemia atau disfemisme. Kelebihan penggunaan unsur eufemisme dalam kehidupan harian telah memberi impak positif sehingga pengkaji telah meneliti unsur eufemisme dalam pelbagai bidang seperti keagamaan, politik, terjemahan, media, ketenteraan, dan perubatan (Abdo, 2014; Musfiroh, 2014; Kiš, 2014; Al-hamad dan Salman, 2013; Ryabova, 2013).

Unsur eufemisme dalam novel

Sehubungan dengan itu, penggunaan eufemisme dapat dikaitkan dengan perkara seperti menjaga perasaan, air muka dan juga kelancaran berbahasa. Bidang penulisan adalah antara bidang yang menitikberatkan kelancaran berbahasa. Senario semasa menunjukkan bahawa unsur eufemisme sangat penting dalam bidang penulisan, terutamanya di dalam bahan bacaan seperti novel (Siti Norashikin Mohd Khalidi dan Ernawita Atan, 2017; Saniah dan Zolkipli, 2012; Hatini dan Saniah, 2011). Menurut kajian, penggunaan unsur eufemisme dapat melancarkan penyampaian gagasan idea atau matlamat penulis tanpa menyentuh sensitiviti pembaca.

Hal ini penting kerana terdapat beberapa novel yang mengandungi unsur tabu atau lucu yang telah menyinggung perasaan pembaca dan mengwujudkan pelbagai kontroversi seperti novel Pantai Kasih dan Interlok yang dikritik disebabkan kegagalan penulis mematuhi kesopanan serta norma masyarakat (Nasif, 2016; Ahmad, 2011).Lantaran itu, penumpuan sewajarnya harus diberikan kepada unsur eufemisme yang sangat penting di dalam bidang linguistik.

Sejajar dengan itu, penyelidik telah mengumpul sorotan karya di dalam bidang eufemisme yang telah dilakukan oleh pengkaji tempatan dan juga di luar negara. Penyelidik mendapati kajian unsur eufemisme yang dilakukan oleh pengkaji lepas lebih berfokuskan kepada empat aspek iaitu kerangka linguistik, psikologi, penterjemahan, dan pragmatik. Walau bagaimanapun, penyelidik telah mendapati bahawa terdapat ketidakseimbangan kajian penggunaan eufemisme dalam kerangka linguistik. Oleh itu, dalam makalah ini, pengkaji hanya akan meninjau kajian

unsur eufemisme dalam kerangka linguistik. Kajian dalam kerangka linguistik mendapati bahawa unsur eufemisme dapat dibahagikan kepada aspek morfologi dan sintaksis serta semantik.

Kajian Aspek Morfologi Dan Sintaksis

Kajian eufemisme yang terlingkung dalam aspek morfologi dan sintaksis menunjukkan bahawa tumpuan pengkaji pada penggunaan perkataan, klausa, frasa dan ayat. Selain itu, penyelidik mendapati kajian aspek morfologi dan sintaksis adalah berkait rapat dengan interaksi masyarakat, seperti yang diperlihatkan dalam contoh kajian Omar Mohammad Bani Mofarrej dan Fawwaz Al-Abed Al-Haq (2015) serta kajian oleh Abdullah M. Alotaibi (2015).

Kajian yang dijalankan oleh Omar Mohammad Bani Mofarrej dan Fawwaz Al-Abed Al-Haq (2015) tertumpu kepada pertuturan masyarakat. Mereka telah mengkaji ungkapan-ungkapan kematian yang lembut digunakan dalam masyarakat Jordan untuk mengkaji tahap pengetahuan eufemisme di kalangan masyarakat di Jordan. Pengkaji juga telah meneliti kesan pemboleh ubah sosial seperti umur, jantina dan lokasi dalam penggunaan ungkapan-ungkapan ini. Hasil kajian ini telah menunjukkan bahawa terdapat beberapa luahan-luahan tertentu yang lebih kerap digunakan oleh anggota masyarakat tanpa mengira usia mereka, jantina atau lokasi, seperti “mukanya merah” membawa maksud marah, “mukanya kuning” merujuk kepada penyakit dan “mukanya biru merujuk kepada perasaan malu”. Menurut kajian itu lagi, responden yang berusia 30 tahun ke atas menggunakan lebih banyak ungkapan-ungkapan berunsur eufemisme berbanding dengan mereka berusia 30 tahun ke bawah. Selain itu, terdapat perbezaan di dalam penguasaan unsur eufemisme kematian dalam kalangan peserta bandar dan peserta luar bandar. Sehubungan dengan itu kajian ini menunjukkan bahawa unsur ekstrinsik seperti umur, jantina dan juga lokasi, mempengaruhi penggunaan eufemisme.

Kajian yang hampir sama juga telah dijalankan oleh Abdullah M. Alotaibi (2015), kajian beliau telah mengukur kesedaran eufemisme di dalam Bahasa Arab di kalangan penutur asli bahasa Kuwait. Kajian ini telah mengkaji sama ada tahap umur dan tahap pendidikan para peserta memainkan peranan dalam pemahaman mereka tentang eufemisme yang digunakan dalam perbualan seharian. Pengkaji telah memilih lapan perkataan pantang-larang daripada dua bidang, kesopanan dan penampilan fizikal secara kontekstual. Di sini, kontekstual bermaksud tindakan atau proses menempatkan informasi sepenuh di dalam sesebuah konteks. Perkataan yang digunakan telah diadaptasi dari laman web akademik selain daripada *Google* dan disesuaikan dengan dialek yang digunakan oleh peserta. Beliau menjelaskan bahawa kedua-dua pemboleh ubah, umur dan tahap pendidikan, memainkan peranan penting dalam penggunaan eufemisme mereka. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa peserta berpendidikan adalah pemegang ijazah universiti telah mengelakkan daripada menggunakan kata-kata yang menyakitkan hati dan dianggap sebagai tidak sesuai seperti ‘*battah*’ yang merujuk kepada gemuk, montel atau gempal. Selain daripada itu, peserta berumur di antara 50-65 tahun lebih banyak menggunakan unsur eufemisme daripada peserta di kalangan umur 25-40 tahun. Kajian ini jelas menunjukkan bahawa kecenderungan untuk menggunakan unsur eufemisme tertakluk kepada ketertinggian ilmu pengetahuan serta pengalaman seperti tahap akademik dan umur.

Menurut Shahila, Hazlina, Roslina dan Normaliza (2016) pengalihan kod merujuk kepada kecenderungan penutur untuk menyelitkan unsur bahasa asing ke dalam bahasa tempatan disebabkan oleh nilai prestij bahasa serta ciri globalisasi. Seterusnya kajian Rusdiah (2014)

adalah berkaitan dengan unsur eufemisme yang wujud dalam penukaran kod, digunakan oleh penutur bahasa Indonesia. Pengkaji turut menyiasat eufemisme yang digunakan oleh pembicara bahasa Indonesia dalam ucapan mereka di dalam dialek Bugis, dan bahasa asing seperti bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa terdapat 30 eufemisme dalam bentuk kata-kata dan frasa, sebagai contoh, perkataan *Pornography* yang digantikan dengan perkataan *Adult movie*. Pengaruh bahasa asing mempengaruhi pertuturan masyarakat dan penggunaan eufemisme untuk menggantikan suatu perkataan yang berunsur tabu.

Selain daripada kajian yang bertumpu kepada masyarakat, terdapat juga kajian yang mengkaji morfologi dan sintaksis menggunakan buku teks. Salah satu kajian tersebut telah dijalankan oleh Meihua (2013) yang telah menganalisis penggunaan eufemisme dalam buku teks kegunaan pelajar bukan jurusan bahasa Inggeris. Beliau menjelaskan yang kajian lampau adalah lebih tertumpu kepada buku teks. Data kajian beliau diperoleh daripada *Book Three* yang merupakan sebuah buku yang digunakan untuk pembelajaran tahap tiga dalam kalangan pelajar bukan jurusan Inggeris di Inner Mongolia University. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa buku teks tersebut memberikan tumpuan kepada penggunaan unsur eufemisme di dalam kata, frasa dan ayat. Misalnya, penggunaan perkataan *would they be better off without me* menjelaskan bahawa perkataan *be better off* digunakan oleh masyarakat di eropah bagi menggambarkan kekayaan berbanding dengan penggunaan perkataan *rich* yang dianggap sombong. Kajian ini telah memberi beberapa cadangan kepada guru bagaimana untuk mengajar penggunaan eufemisme dalam bilik darjah. Sementara itu, Nafisah (2013) mengenal pasti unsur-unsur kesantunan berbahasa di dalam buku teks seperti aspek penggunaan kata ganti nama diri dan aspek pemilihan kata. Sebagai contohnya, kata ganti nama dibahagikan kepada tiga konsep iaitu kata ganti hormat merujuk kepada penggunaan perkataan seperti saya, tuan, puan, beliau manakala yang keduanya ialah bentuk neutral yang menggunakan kami, kita, anda, saudara, saudari dan yang ketiganya ialah bentuk kasar atau intim penggunaan perkataan seperti engkau, awak, dia, mereka. Pengkaji telah cuba menjelaskan perkaitan unsur kesopanan seperti perkaitan antara unsur tabu dan eufemisme. Berdasarkan kedua-dua kajian tersebut dapat kita simpulkan bahawa pemilihan bahan bacaan seperti buku teks mampu mendedahkan unsur eufemisme kepada anggota masyarakat.

Fernández (2014) telah menggunakan surat khabar sebagai data kajiannya. Kajian ini menjelaskan bahawa ahli politik menggunakan eufemisme sebagai cara yang "selamat" untuk menangani subjek yang tidak menyenangkan dan mengkritik pihak lawan mereka tanpa memberi persepsi negatif kepada penyokong mereka. Kajian ini telah memberikan gambaran mengenai cara eufemisme digunakan oleh ahli-ahli politik dari Norfolk dan Suffolk, England. Kajiannya membincangkan penggunaan unsur eufemisme di dalam frasa dan ayat yang dimuatkan di dalam akhbar Eastern Daily Press, yang diterbitkan di Norwich. Kajian ini menunjukkan bahawa eufemisme memainkan peranan penting dalam "mempromosikan diri" ahli-ahli politik. Malah menurut kajian ini, ahli politik menggunakan eufemisme untuk mengkritik, berlingkung serta menyembunyikan sesuatu topik sensitif seperti kemiskinan, dan ekonomi. Misalnya, pernyataan *those who are in a financial difficulty* merujuk kepada 'the poor' manakala *families on lower incomes* merujuk kepada 'poor families'. Kajian tersebut memaparkan unsur eufemisme yang berupa kata, frasa dan ayat memberi peluang kepada ahli politik untuk memanipulasi suatu maklumat demi kepentingan mereka.

Kajian Fei (2016) juga bertumpu kepada pembentukan unsur bunyi eufemisme dan membincangkan pembentukan eufemisme fonetik di dalam Bahasa Inggeris serta ciri-ciri dan maknanya. Kajian ini memaparkan analisis rinci di mana pembentukan eufemisme fonetik telah diperjelaskan agar dapat membantu penggunaan Eufemisme secara lebih fleksibel dalam pertuturan serta melancarkan kecekapan dan kualiti komunikasi. Kajian ini telah meneliti kata, frasa, dan ayat dalam membentuk bunyi fonetik dalam pembentukan eufemisme. Sebagai contoh, penggunaan “*my gosh*” berbanding “*my goodness*” Contoh ini menunjukkan bahawa eufemisme juga merangkumi penggunaan unsur bunyi yang menyenangkan tanpa perlu perkataan dengan sebutan yang kasar maksudnya. Ini menjelaskan bahawa bunyi fonetik yang menjadi sebahagian daripada komponen linguistik juga mampu menghasilkan unsur eufemisme.

Eufemisme bentuk semantik

Eufemisme berbentuk semantik pula tertumpu kepada aspek gaya bahasa seperti penggunaan sinonim, metafora, polisemi dan juga makna suatu perkataan. Kajian aspek semantik yang sangat berkait rapat dengan interaksi masyarakat adalah kajian Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam dan Remmy (2017), Rita Njeri Njore dan Ayub (2015) Dangli (2014), Naoram (2014), Xiao dan Zhi (2014) serta Rustam (2011).

Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam dan Remmy (2017) telah mengkaji tentang perkara yang mempengaruhi penggunaan unsur eufemisme serta makna penggunaannya. Kajian ini dilakukan terhadap penutur asli bahasa Iban di dalam lingkungan umur 50 tahun ke atas. Hasil kajian mereka mendapati bahawa terdapat sembilan bentuk eufemisme yang kerap digunakan oleh masyarakat Iban, termasuklah mengenai anggota badan, unsur seksual, jantina, kemarahan, kebencian, penyakit, kematian, ketakutan dan unsur keagamaan. Misalnya, masyarakat Iban tidak menggunakan perkataan bahasa biasa atau kasar seperti *butuh* atau *palat nuan atau dik*, digantikan dengan perkataan bersifat eufemisme seperti *lolo* yang membawa maksud barang yang berjuntai, perkataan *puki* atau *palat nuan atau dik* digantikan dengan perkataan *tukung* yang bermaksud barang atau benda dalam kain perempuan. Perkataan-perkataan tersebut merupakan anggota tubuh badan yang dianggap sangat sensitif dan tidak sesuai disebutkan sesuka hati kerana ianya boleh menimbulkan perasaan kurang senang serta malu kepada diri individu yang mengungkapkannya serta lawan bicara. Kajian mereka juga menjelaskan bahawa faktor adat dan kepercayaan yang telah diwarisi secara turun temurun telah menjadi pendorong kepada penggunaan eufemisme yang mempengaruhi masyarakat Iban.

Kajian oleh Rita Njeri Njore dan Ayub (2015) berkaitan dengan penggunaan eufemisme dalam menerangkan fungsi badan dalam bahasa Kikuyu yang merupakan satu daripada bahasa yang digunakan di negara Kenya. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti proses semantik dan leksikal yang terlibat dalam pembentukan eufemisme dari kata-kata tabu mengenai fungsi tubuh dalam bahasa Kikuyu. Matlamat kajian ini adalah untuk menunjukkan bahawa bahasa Kikuyu adalah bahasa yang bercirikan unsur tabu. Data kajian ini telah diperolehi daripada rekod arkib, Internet dan melalui temu duga. Hasil kajian ini membuktikan kewujudan bahasa tabu dan juga eufemisme dalam bahasa Kikuyu mengenai fungsi badan dan ini telah menimbulkan tanggapan berbeza dalam kalangan pembicara bahasa Kikuyu. Sebagai contoh, penggunaan eufemisme dalam menyatakan perkara berkaitan kitaran haid bagi wanita mereka menggunakan perkataan *kirumi kia mweri* yang bermaksud tetamu bulanan, *gukira red sea* yang bermaksud menyeberangi sungai merah serta *kuura* yang bermaksud hujan. Beliau juga menegaskan bahawa

penemuannya amat penting bagi ibu bapa, guru, jurubahasa mahkamah, pengamal media, kaunselor dan pendidik seks yang menggunakan bahasa Kikuyu. Kajian tersebut membuktikan bahawa walaupun bahasa Kikuyu dianggap sebagai bahasa yang kasar namun masalah tersebut dapat diatasi dengan menghaluskan makna perkataan dengan penggunaan unsur eufemisme.

Kajian yang dijalankan oleh Dangli (2014) telah membincangkan fenomena linguistik eufemisme dan sumbangannya dalam mewujudkan sinonim. Menurutnya, eufemisme wujud di dalam sesuatu bahasa disebabkan oleh keperluan pengguna bahasa terhadap perkataan yang tidak menyakitkan hati atau memalukan. Kajian beliau telah menjelaskan skop penggunaan eufemisme di dalam menerangkan aspek berkaitan kematian, agama, fungsi badan, seks, dan juga penyakit seperti penggunaan sinonim seperti perkataan yang berkaitan dengan kematian seperti *coffin* dan *casket*, untuk kematian perkataan *to die* digantikan dengan *meet your maker*, bagi unsur keagamaan perkataan *djalli* digantikan perkataan *devil*, untuk fungsi badan seperti perkataan *pregnant* digantikan dengan *expecting*. Penggunaan sinonim tersebut mampu menenangkan penutur dan juga pendengar. Tambahan pula, beliau turut berpendapat bahawa perlunya kecenderungan untuk menggunakan eufemisme dalam bidang politik, perniagaan dan perang bagi menghaluskan komunikasi dalam kalangan masyarakat.

Kajian Naoram (2014) tertumpu kepada eufemisme berbentuk semantik seperti sinonim dan polisemi yang digunakan oleh masyarakat Manipuri. Beliau menjelaskan bahawa sinonim bermaksud suatu perkataan yang mempunyai maksud sama, manakala polisemi bermaksud satu perkataan yang mempunyai banyak makna. Kajian tersebut telah menggunakan pendekatan semantik di dalam perkara tertentu sahaja seperti sinonim, polisemi dan metafora. Hasil kajiannya menunjukkan makna yang sama dan juga pelbagai makna, contohnya (1) *kai 'tiger' (harimau)* tidak boleh disebut pada waktu malam atau di kawasan hujan, dan digantikan dengan perkataan *ibudhəu'* yang mempunyai maksud 'moyang lelaki' ('great grandfather'). Penggantian tersebut adalah salah satu bentuk eufemisme dalam menyebut suatu yang berkaitan dengan pantang-larang serta menunjukkan sikap hormat. Oleh itu dapat dipastikan bahawa penggunaan eufemisme aspek semantik melalui penggunaan sinonim, polisemi dan metafora dipengaruhi unsur budaya.

Terdapat juga kajian yang mengkaji semantik di dalam media massa. Kajian Xiao dan Zhi (2014) menjelaskan bahawa fenomena linguistik umum dalam komunikasi sosial adalah sangat penting untuk melancarkan keberkesanan komunikasi sosial rakyat. Di dalam kajian ini pengkaji telah memberi penjelasan terperinci tentang eufemisme dalam drama TV British Downton Abbey dari perspektif makna perkataan dalam semantik. Misalnya, *we can vividly feel the malevolence from the phrase skin a cat, which means hurt someone secretly*. Pengkaji menjelaskan bahawa makna unsur eufemisme berselindung daripada maksud asal dan ia boleh digunakan untuk mengkritik secara sopan. Sebagai contoh perkataan seperti *stupid* digantikan dengan *average level* serta *skinny* atau *fat* digantikan dengan *slim* atau *plump*. Kajian tersebut jelas membuktikan eufemisme aspek semantik dapat dipelbagaikan penggunaan mengikut konteks bicara.

Kajian Rustam (2011) telah menjelaskan bentuk eufemisme yang digunakan di dalam ungkapan tradisional daerah Melayu Jambi dan menerangkan makna eufemisme dalam ungkapan tradisional daerah Melayu Jambi. Hasil penelitian menjelaskan bahawa eufemisme dalam di dalam ungkapan tradisional daerah Melayu Jambi digunakan untuk merujuk kepada waktu

tertentu, tempat dan ruang lingkup tertentu, misalnya di dalam konteks adat, agama, pemerintahan, hubungan antara sesama masyarakat. Ia juga memiliki nilai luhur tentang peradaban budaya daerah Melayu Jambi, sebagai contoh, penggunaan unsur eufemisme berkaitan dengan sikap kejujuran, sopan santun, keberanian, kesihatan, kekeluargaan dan juga keikhlasan. Misalnya, ungkapan *berjalan jangan melintang tapak*, bererti jangan melakukan suatu hal dianggap ganjil atau aneh, *jalan berambah* bermaksud seseorang tidak boleh menyimpang dari peraturan yang ditetapkan, manakala ungkapan *sumur teenang yang disauk*, bermaksud apa-apa yang telah tersedia saja yang boleh diambil supaya tidak berlaku perkara-perkara negatif. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kajian makna eufemisme mampu mengukur peradaban sesuatu masyarakat.

Sorotan kajian yang dijalankan dalam kerangka linguistik aspek morfologi dan sintaksis serta semantik telah menunjukkan beberapa perbezaan serta persamaan. Antara perbezaannya yang ketara adalah dari sudut ekstrinsik kajian eufemisme. Sebagai contoh, eufemisme aspek morfologi dan sintaksis memiliki unsur ekstrinsik yang bersifat demografi seperti tahap pendidikan, jantina, umur, dan sama ada masyarakat yang menggunakannya berada di kawasan bandar dan pedalaman. Ini berbeza dengan eufemisme aspek semantik yang unsur ekstrinsiknya tertumpu kepada konteks yang bercirikan budaya seperti adat, agama, adab dan sikap. Perbezaan tersebut juga menunjukkan bahawa fokus eufemisme morfologi dan sintaksis lebih bersifat universal berdasarkan kemahiran menggunakan eufemisme berbanding dengan eufemisme aspek semantik yang lebih bersifat alamiah seperti pantang-larang serta kepercayaan suatu kelompok masyarakat.

Selain itu, penyelidik mendapati bahawa pengamatan sorotan karya berkaitan unsur intrinsik dalam kajian eufemisme kerangka linguistik perlu dimantapkan dengan menggabungkan aspek morfologi, sintaksis dan semantik. Ini adalah untuk mencungkil jenis-jenis eufemisme yang kerap digunakan dalam suatu kelompok masyarakat seperti bahasa kiasan, bahasa pinjaman, pengakroniman dan sebagainya.

Kajian lampau juga lebih banyak tertumpu kepada komunikasi sosial seperti ungkapan, pertuturan dan teks perbualan sahaja malah bahana ilmiah yang lain seperti novel, majalah, surat khabar serta iklan masih kurang mendapat perhatian pengkaji. Oleh itu, kajian yang menyeluruh antara eufemisme kerangka linguistik morfologi, sintaksis dan semantik seperti faktor intrinsik dan ekstrinsik sangat perlu dalam bahana ilmiah tersebut agar dapat mendalami lagi pengetahuan tentang eufemisme serta mengukuhkan lagi aspek kesopanan dalam masyarakat.

Kesimpulannya

Berdasarkan pengamatan dalam sorotan karya tersebut, penyelidik mendapati bahawa kajian lepas kebanyakannya menumpukan kajian eufemisme aspek morfologi dan sintaksis berbanding semantik. Kajian morfologi dan sintaksis tidak mampu memberi penjelasan yang terperinci tanpa melihat kepada aspek semantik yang mendukung makna eufemisme. Dalam hal ini, Kajian morfologi dan sintaksis adalah terbatas kepada kata, frasa dan juga ayat manakala kajian semantik mampu menghuraikan unsur eufemisme dengan lebih lanjut seperti sinonim, metafora, polisemi, konotasi, dan juga makna.

Rujukan

- Abdullah M. Alotaibi. (2015). The awareness of euphemism by Kuwaiti speakers of Arabic. *International Journal of Linguistics*, 7, 69-81.
- Adil Malik Khanfar. (2012). Euphemism in Arabic: Typology and formation. *Journal of the College of Arts*, 61, 1-34.
- Almuqontirin Rofik. (2013). "Pemakaian Disfemisme dalam Berita Utama Surat Kabar Solopos" Naskah publikasi. Surakarta: FKIP UMS
- Danglli, L. (2014). Euphemism and lexical synonymy. *International Anglisticum Journal (IJLLIS)*, 3(5), 30-34.
- Fernández, E.C. (2014). Euphemism and political discourse in the British Regional Press. *Brno Studies in English*, 40(1). DOI: xxxxBSE2014xxxxxx
- Fei, D. (2016). An analysis of phonetic formation in english euphemism. *Journal of Language Teaching and Research*, 7(3),542-547.
- Hamidah Abdul Wahab, Imran Ho Abdullah, Mohammed Azlan Mis & Khazriyati Salehuddin. (2016). Analisis eufemisme kematian masyarakat Melayu Sarawak dari perspektif semantik kognitif. *Journal of Language Studies*, 16(2), 53-71.
- Hussein Abdo Rababah. (2014). The translatability and use of x-phemism expressions (x phemization): euphemisms, dysphemisms and orthophemisms in the medical discourse. *Studies in Literature and Language*, 9 (3), 229-240. DOI: 10.3968/6042
- Mohd Nasif Badruddin. (2016, Januari 14) Pantai Kasih' dikritik ramai. *Harian Metro*. Diakses dari <https://www.hmetro.com.my/node/107103>
- Mirjana Kiš. (2014). Euphemisms and military terminology. *Hieronymus*, 1, 123-137.
- Meihua, W. (2003). Corpus analysis of english euphemism in college english (3). *Canada Center of Science and Education*, 6(8), 156-161.
- Marina Ryabova. (2013). Euphemisms and media framing. *European Scientific Journal*, 9(32), 32-44.
- Mohammad Qasem Al-Hamad & Asma Mohammad Salman. The translatability of euphemism in The Holy Quran. *European Scientific Journal*, 9, (2), 190-214.
- Muhammad Zaid Daud, Mohammad Shahrul Nizam & Remmy Gedat. (2017). Eufemisme dalam bahasa Iban: Satu kajian kes di Kampung Lebor, Serian, Sarawak. *Borneo Research Journal*, 11, 87-105.
- Naorem, J. S. (2014). Euphemism in Manipuri. *International Journal of English and Education*, 3(3), 162-166.
- Noriah & Jamilah Bebe. (2016). Eufemisme leksikal dan metafora kematian dalam dialek Melayu. *Journal of Education and Social Science*, 4, 331-342.
- Nafisah Abd Hamid. (2013). Kesantunan bahasa – penggunaan sistem sapaan dan eufemisme dalam komunikasi. *Dewan Bahasa dan Pustaka*, 9-38.
- Noor Hatini Zolkifli & Siti Saniah Abu Bakar. (2011). "Unsur eufemisme dalam novel papa dan azfa hanani". *Jurnal Bahasa*, 11(2), 83-108.
- Nor Shahila Mansor, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat & Normaliza Abd Rahim. (2016). Percampuran kod sebagai strategi penyampaian mesej dalam wacana iklan berbahasa Sepanyol. *Jurnal Kemanusiaan*, 25 (1),70-84.
- Omar Mohammad Bani Mofarre & Fawwaz Al-Abed Al-Haq. (2015). A sociolinguistic study of euphemistic death expressions in Jordanian Arabic. *Arab World English Journal (AWEJ)*, 6(2), 110 –130.

- Rusdiah. (2016). Code-switching serves a euphemism. *International Journal of Science and Research (IJSR)*, 5(1), 786-790.
- Rustam. (2011). Eufemisme dalam ungkapan tradisional daerah Jambi. *Jurnal Penelitian Universitas Jambi Seri Humaniora*, 13(1), 1-6.
- Rita Njeri Njoroge & Ayub Mukhwana. (2015). *International Journal of Humanities Social Sciences and Education*, 2(1), 189-196.
- Salhan K. Ahmad. (2011, Januari 5) NGO ancam bakar buku teks 'Interlok'. Malaysiakini. Diakses dari <https://www.malaysiakini.com/news/152414#zHhPg93oEBFbJjbb.97>
- Siti Saniah Abu Bakar & Noor Hatini Zolkifli. (2012). “Unsur eufemisme dalam novel melunas rindu dan renyah”. *Jurnal bahasa*, 5, 71-95.
- Xiao, W. & Zhi, H. L. (2014). A semantic study of euphemism in British tv drama—downton Abbey (1st season). *International Conference on Social Science*, 10, 375-379.